



K.H.N. 47

13 Ogos, 1996

Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Malaya/Sabah dan Sarawak

Hakim-Hakim Mahkamah Sesyen

Majistret

Mahkamah Majistret Semenanjung/Sabah dan Sarawak.

Y.A. Dato' /Tuan/Puan

ARAHAN KETUA HAKIM NEGARA BILANGAN 3/1996  
SAMBUNG PERBICARAAN KES-KES SEPARUH BICARA  
(PART HEARD)

Pertukaran Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi, Mahkamah Sesyen dan Majistret menyebabkan banyak kes-kes separuh bicara sivil dan jenayah, ditinggalkan oleh mereka yang bertukar. Kes-kes ini hendaklah disambung bicara oleh Hakim atau Majistret lain dengan menggunakan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 18(2) & (3) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 (Akta 91) bagi kes-kes di Mahkamah Tinggi; seksyen 261 Kanun Acara Jenayah, dan Aturan 28 kaedah 19, Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah, 1980 bagi Mahkamah Sesyen dan Majistret.

2. Bagi kes-kes yang telah habis dibicara tetapi belum diberi keputusan, Hakim Mahkamah Tinggi/Sesyen dan Majistret yang membicarakan kes itu hendaklah memberi keputusan bertulis beserta dengan alasan penghakiman untuk dibaca/disampaikan kepada pihak-pihak berkenaan oleh Penolong Kanan Pendaftar, Hakim Mahkamah/Sesyen/Majistret dimana kes itu telah dibicarakan.

3. Jika dengan menggunakan Aturan 28 Kaedah 19 Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1980, ada pihak yang tidak bersetuju, kes itu hendaklah dibicara semula (de-novo).

..2/-

4. Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 16.8.1996.

Sekian.



(TAN SRI DATO' SERI MOHD. EUSOFF B. CHIN)  
Ketua Hakim Negara Malaysia.

s.k. Yang Amat Arif  
Presiden Mahkamah Rayuan.

" Yang Amat Arif  
Hakim Besar Malaya.

" Yang Amat Arif  
Hakim Besar Sabah dan Sarawak.

" Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan.

" Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Malaya.

" Pendaftar  
Mahkamah Sesyen.